

10 APR 1998

MAHATHIR : HAD PINJAMAN 85 PERATUS BAGI KERETA BERHARGA RM40,000

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), yang bermesyuarat hari ini, bersetuju membenarkan pinjaman sehingga 85 peratus untuk kenderaan berharga RM40,000 ke bawah berbanding 70 peratus sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, jumlah yang dibenar dikeluarkan untuk pinjaman kenderaan oleh bank dan institusi kewangan tahun ini kekal pada paras RM15 bilion.

Dr Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam ini.

Beliau juga berkata MTEN bersetuju membenarkan bank dan institusi kewangan memberi pinjaman untuk membeli rumah berharga RM150,000 ke bawah bagi projek yang sedang dilaksanakan atau yang sudah siap.

Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pula akan menentukan rumah berharga RM250,000 ke atas yang boleh dibeli oleh orang asing, yang bermakna orang asing yang ingin membeli rumah jenis ini tidak perlu lagi mendapatkan kebenaran jawatankuasa itu tetapi mereka hendaklah memastikan bahawa rumah yang hendak dibeli terdiri daripada projek yang diluluskan oleh FIC, katanya. -- BERNAMA

AH MAI